



PASUKAN TAR UMT UNGGULI PERTANDINGAN ROBOT TEMPUR BEREGU ANJURAN PSN



Pasukan TARUMT dari Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman bersorak riang setelah menjuarai pertandingan Robot Tempur Beregu (Tag Team) Malaysia 2023 pada Malaysia Techlympics 2023 Peringkat Akhir Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Teh Zhen Wye dari Pasukan TARUMT dari Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman mengemudikan robot tempur semasa perlawanan akhir pertandingan Robot Tempur Beregu (Tag Team) Malaysia 2023 pada Malaysia Techlympics 2023 Peringkat Akhir Kebangsaan yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

PUTRAJAYA, 20 Nov (Bernama) -- Pasukan Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT) muncul juara Pertandingan Robot Tempur Beregu yang diadakan sempena Malaysia Techlympics 2023 Peringkat Akhir Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Ketua pasukan Muhammad Fikri Haffizadin Abdul Hamid, 21, ketika ditemui Bernama berkata kemenangan yang membolehkan mereka membawa pulang wang tunai RM20,000 itu amat tidak dijangka kerana ia merupakan kali pertama mereka menyertai pertandingan tersebut. "Kami amat gembira dengan kemenangan ini dan juga gembira kerana dapat balik tidur selepas beberapa malam tidak dapat tidur risau sangat memikirkan pencapaian robot-robot yang akan bertanding ini," katanya yang berasal dari Kuala Lumpur.

Pelajar tahun pertama Diploma Kejuruteraan Mekatronik berkata pasukannya mengambil masa seminggu untuk menghasilkan robot pertama dan hanya sehari untuk robot kedua. "Kami berbangga dengan usaha sendiri dan sangat berterima kasih kepada pihak universiti, ahli keluarga yang memberi sokong moral dan juga bantuan kewangan bagi membeli peralatan untuk mencipta robot berkenaan," katanya.

Sementara itu, tempat kedua dimenangi oleh Kumpulan Herobotic dari Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bukit Mertajam yang meraih hadiah wang tunai bernilai RM15,000 manakala Kumpulan Wolfbot dari Kolej Kemahiran Tinggi Balik Pulau memperoleh tempat ketiga dan RM10,000. Pengarah Pusat Sains Negara Mohammad Fuad Rahman berkata pertandingan itu merupakan satu daripada tiga pertandingan utama. Beliau berkata penghasilan robot tempur dibuat secara amali oleh peserta menggunakan konsep platform perkakasan terbuka yang perlu mengaplikasikan ilmu pengetahuan mereka dalam bidang teknologi tanpa wayar dan mereka bentuk robot berciri inovasi dan kreatif. "Satu gelanggang khas dengan ciri keselamatan disediakan untuk pertempuran robot peserta. Setiap pasukan terdiri daripada dua robot tempur," katanya. Malaysia Techlympics merupakan inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam usaha memperkasakan bidang sains, teknologi dan inovasi menerusi pendekatan yang menyeronokkan selain membudayakan minda belia dengan set kemahiran dan inovasi berimpak tinggi melalui konsep pertandingan.

